

Kumpulan Naza hadiah kondo, kereta kepada pemenang pingat emas

Kuala Lumpur: Tiga pemenang pingat emas Sukan Paralimpik Rio 2016 bakal menerima ganjaran seunit suite mewah di Trion 888, Equine Park dan kenderaan utiliti sukan (SUV), Kia Sportage sumbangan Naza Corporation Holdings kerana kejayaan mereka mengharumkan nama negara di pentas dunia.

Berita baik itu diumumkan oleh Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif syarikat terbabit, SM Nasarudin SM Nasimuddin menerusi satu kenyataan yang dikeluarkan di Rio, Brazil, semalam.

Trion 888 yang terletak di Equine Park, Seri Kembangan adalah projek yang dibangunkan Naza TTDI Sdn Bhd, bernilai RM350,000 manakala Kia Sportage adalah kenderaan terlaris keluaran KIA di peringkat global berharga RM121,888.

SM Nasaruddin yang juga Presiden Majlis Paralimpik Malaysia berkata, pihaknya berbangga dengan kemampuan dan pencapaian atlet paralimpik dan berbesar

hati untuk memberi ganjaran atas usaha keras atlet yang mengharumkan nama negara di pentas dunia.

"Saya amat berbangga dengan

atlet paralimpik Malaysia yang membawa pulang pingat emas. Sebagai syarikat tempatan, Naza akan menghadiahkan pemenang pingat emas di Sukan Paralimpik Rio 2016 dengan seunit suite mewah di Trion 888, Equine Park dan kenderaan utiliti sukan (SUV), Kia Sportage," katanya.

Beliau berkata, sebagai syarikat yang lahir di Malaysia, mereka sentiasa komited terhadap sukan dan pada tahun ini sahaja menjadi penaja kejohanan skuasy wanita terbesar antarabangsa iaitu Kejohanan Skuasy Dunia Naza-PSA.

"Kami juga akan menjadi penaja platinum untuk Sukan SEA 2017," katanya.

Beri inspirasi

Ini adalah tahun pertama SM Nasaruddin mengetuai Majlis

Paralimpik Negara dan dengan kejayaan atlet paralimpik bukan sahaja memberi inspirasi kepada atlet yang lain malah kepada seluruh rakyat Malaysia.

Ketika ini, Malaysia memperoleh tiga pingat emas menerusi Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi dalam acara 100m T36 (cerebral palsy), Muhammad Ziyad Zolkefli bagi acara lontar peluru F20 (ma-

salah pembelajaran) dan Abdul Latif Romly mengungguli acara lompat jauh T20 (masalah pembelajaran).

Dalam masa sama, Pengarah Urusan Kumpulan Naza TDI, SM Faliq SM Nasimuddin turut gembira apabila menjadi sebahagian daripada inisiatif yang menyokong dan menghargai pencapaian atlet paralimpik di Sukan Paralimpik Rio 2016.

"Hadiah suite mewah ini sesuai dengan selera dan gaya hidup generasi muda yang menjadi kelompok usia atlet negara kita," katanya.

Oleh Syafiq Aznan